

BAB TIGA

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah yang terletak di Puchong, Selangor. Sekolah ini terletak di tengah-tengah beberapa pasaraya yang terkenal di Puchong. Pada awalnya kawasan Puchong ini berasal dari Ladang Castlefield yang telah dibangunkan.

Sekolah ini ialah sebuah sekolah 'co-educational' dan seramai 1,003 orang pelajar belajar di sesi pagi. Pelajar terdiri dari Tingkatan Peralihan, Tingkatan 1, Tingkatan 2,3, dan 4. Majoriti pelajar di sini adalah berbangsa Cina yang meliputi sebanyak 60%, pelajar Melayu 20%, pelajar 15% dan pelajar dari kalangan bangsa lain pula sebanyak 5%.

Latar belakang keluarga dan sosio-ekonomi pelajar ini juga berbeza maka prestasi pencapaian akademik, masalah pembelajaran, disiplin, kelakuan dan cara interaksi sosial juga adalah pelbagai. Seramai 56 orang guru mengajar di sekolah ini di

mana semua guru memiliki Ijazah Sarjana Muda dan seramai 10 orang guru pula memiliki Ijazah Sarjana. Pengkaji seterusnya memaklumkan kepada Pengetua dan memberikan surat memohon kebenaran menjalankan kajian, salinan surat kelulusan tajuk kertas projek Universiti Malaya dan juga surat pengesahan dari Universiti.

3.2 Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada 40 orang pelajar remaja lelaki dan perempuan daripada keluarga ibu tunggal. Mereka terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India, Punjabi dan Iban. Pelajar ini sedang belajar dalam Tingkatan Peralihan, Tingkatan Satu hingga Tingkatan Empat di sekolah tersebut.

3.3 Mengenalpasti Responden

Langkah pertama yang dibuat setelah mendapat kebenaran pihak sekolah ialah pemilihan responden. Pemilihan responden adalah dengan mendapatkan maklumat data individu dari Unit Bimbingan dan Kaunseling. Seterusnya, pengkaji juga mendapatkan maklumat peribadi dari guru kelas Tingkatan yang terlibat, yang diperolehi melalui Buku Rekod Daftar Kehadiran Pelajar bagi Tahun 2004. Responden kajian terdiri dari bangsa Melayu, Cina, India, Punjabi dan Iban.

Hasil penyemakan yang dibuat, pengkaji telah berjaya memperolehi maklumat yang diperlukan dalam kajian ini seperti nama pelajar, nama ibu, alamat dan nombor telefon ibu daripada pelbagai keluarga ibu tunggal ini. Langkah kedua ialah pengkaji menghubungi ibu responden yang terlibat dalam kajian dan seterusnya memberikan surat memohon persetujuan (consent form) untuk ibu membenarkan anak mereka terlibat dalam kajian ini.

Kerabangan

3.4 Anonamiti dan Surat Persetujuan (*Consent Form*)

Semua responden dalam kajian ini diberikan keterangan yang teliti tentang peranan mereka dalam kajian ini. Pengkaji memberi jaminan kepada semua responden bahawa sebarang maklumat yang diperolehi dalam kajian ini tidak akan digunakan untuk mendakwa atau mengambil tindakan oleh mana-mana pihak terhadap mereka. Maklumat dan data yang diperolehi mengenai diri responden dan latar belakang keluarga hanya akan digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja dan tidak akan didedahkan kepada pihak yang tidak berkenaan.

Pengkaji menghubungi ibu-ibu responden dan menerangkan tujuan kajian ini dan meminta kebenaran agar anak mereka diizinkan menjawab soal selidik ini. Pengkaji juga memberikan surat memohon persetujuan (*consent form*) untuk ibu membenarkan anak mereka terlibat dalam kajian ini. Setelah mendapat surat keizinan daripada ibu responden, pengkaji sendiri menerangkan kepada subjek tentang tatacara menjawab soal selidik ini.

3.5 Pentadbiran Soal Selidik

Soal selidik ini ditadbirkan dua kali pada hari yang sama iaitu sesi pertama ialah waktu sebelum rehat iaitu dari pukul 9.30 pagi hingga 10.30 pagi selama satu jam untuk menjawab 162 item soal selidik dan pengkaji menunggu sehingga responden selesai menjawab kesemua item pada sesi tersebut. Seterusnya responden menyambung untuk menjawab baki lagi 165 item soal selidik pada pukul 11.30 pagi hingga 12.30 tengahari iaitu sesi kedua selepas rehat. Tujuan pengkaji mentadbirkan soal selidik ini dua kali ialah untuk mengelakkan rasa bosan pelajar menjawab kesemua 327 item soal selidik secara serentak dan juga adalah untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada responden.

3.6 Instrumen Soal Selidik

Kaedah tinjauan survey digunakan dalam kajian ini. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada 2 bahagian. Dalam bahagian A, terdapat 9 item mengenai maklumat latar belakang responden kajian. Bahagian B pula merangkumi 327 item yang dibahagikan kepada sebelas kategori dalam Senarai Semak Masalah Mooney yang telah pun diterjemahkan dalam versi Bahasa Melayu. Item nombor (291, 292 dan 293) dalam kategori Persahabatan, seks dan percintaan digugurkan kerana item tersebut didapati kurang sesuai dalam kajian ini.

Terjemahan soal selidik ini telah dilakukan oleh seorang pensyarah dari Jabatan Pengajian Melayu di Institut Bahasa, Kuala Lumpur dan seterusnya disemak kesesuaiannya oleh dua orang pensyarah di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Di Malaysia, senarai semak masalah Mooney telah digunakan secara meluas oleh Chiam Heng Keng dan Nik Aziz Nik Pa (1982), Sufean Hussin dan Che Zainon Omar (2002), Wong Chee Seng (1980) dan ramai lagi khusus untuk mengkaji masalah remaja.

Bahagian A soal selidik mengandungi 9 item mengenai ciri latar belakang pelajar.

Item tersebut adalah seperti berikut:-

1. Tingkatan
2. Jantina
3. Bangsa
4. Agama
5. Bilangan adik beradik
6. Kedudukan Bilangan dalam Keluarga
7. Pekerjaan Ibu
8. Pendapatan ibu sebulan
9. Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 2004

Bahagian B pula mengandungi 327 item Senarai Semak Masalah Mooney.

Item-item itu terbahagi kepada 11 kategori masalah seperti berikut:

1. Kategori Kesihatan (Kesihatan dan perkembangan fizikal)
2. Kategori Kewangan (Kewangan dan keadaan kehidupan keluarga)
3. Kategori Rekreasi (Aktiviti sosial dan rekreasi)
4. Kategori Sosial (Hubungan dan Interaksi sosial)

5. Kategori Peribadi (Hubungan peribadi dan personaliti)
6. Kategori Persahabatan (Persahabatan, seks, dan perkahwinan)
7. Kategori Keagamaan (Agama dan Moral)
8. Kategori Keluarga (Rumah dan keluarga)
9. Kategori Kerjaya (Masa hadapan, kerjaya dan pendidikan)
10. Kategori Persekolahan (Penyesuaian diri dengan persekolahan)
11. Kategori Pembelajaran (Kurikulum dan pembelajaran)

Senarai Semak Mooney digunakan untuk bertujuan mengesan jenis masalah pelajar yang sering berada di sekolah menengah terutamanya golongan remaja (Mooney dan Gordon, 1950). Setiap kategori mempunyai sebanyak 30 item kecuali bagi Kategori Persahabatan, seks dan perkahwinan, hanya terdapat 27 item. Senarai Semak Masalah Mooney disusun mengikut susunan asal Senarai Semak Masalah Mooney seperti berikut:-

- a. Kategori Kesihatan
(Item 1-5, 56-60, 111-115, 166-170, 221-225 dan 276-280)
- b. Kategori Kewangan
(Item 6-10, 61-65, 116-120, 171-175, 226-230 dan 281-285)

- c. Kategori Rekreasi
(Item 11-15, 66-70, 121-125, 176-180, 231-235 dan 286-290)
- d. Kategori Persahabatan
(Item 16-20, 71-75, 126-130, 181-185, 236-240, dan 294 -295)
- e. Kategori Sosial
(Item 21-25, 76-80, 131-135, 186-190, 241-245, dan 296-300)
- f. Kategori Peribadi
(Item 26-30, 81-85, 136-140, 181-195, 246-250 dan 301-305)
- g. Kategori Keagamaan
(Item 31-35, 86-90, 141-145, 196-200, 251-255 dan 306-310)
- h. Kategori Keluarga
(Item 36-40, 91-95, 146-150, 201-205, 256-260, dan 311-315)
- i. Kategori Kerjaya
(Item 41-45, 96-100, 151-155, 206-210, 261-265, dan 316-320)
- j. Kategori Persekolahan
(Item 46-50, 106-110, 156-160, 216-220, 266-270 dan 326-330)
- k. Kategori Pembelajaran
(Item 51-55, 101-105, 161-165, 211-215, 271-275 dan 321-325)

3.7 Kebolehpercayaan dan Keesahan Instrumen Kajian

Kajian rintis telah dijalankan ke atas Instrumen Senarai Semak Masalah Mooney untuk menguji kebolehpercayaan analisis alpha yang digunakan dalam kajian ini. Pada keseluruhannya, Instrumen menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi dengan alpha 0.99. Seterusnya kajian rintis yang dijalankan ke atas sub-skala kategori masalah pula menunjukkan kebolehpercayaan skala alpha seperti berikut:-

| | | | |
|----|-----------------------|---|------|
| a. | Kategori Kesihatan | = | 0.92 |
| b. | Kategori Kewangan | = | 0.89 |
| c. | Kategori Rekreasi | = | 0.91 |
| d. | Kategori Persahabatan | = | 0.93 |
| e. | Kategori Sosial | = | 0.94 |
| f. | Kategori Peribadi | = | 0.92 |
| g. | Kategori Agama | = | 0.92 |
| h. | Kategori Keluarga | = | 0.90 |
| i. | Kategori Kerjaya | = | 0.94 |
| j. | Kategori Persekolahan | = | 0.94 |
| k. | Kategori Pembelajaran | = | 0.95 |

Dalam kajian rintis ke atas sub-skala kategori masalah, ianya juga menunjukkan hanya kategori masalah kewangan sahaja yang mencatatkan alpha yang rendah iaitu 0.89. Namun demikian, pada keseluruhannya, instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian ini.

3.8 Pentadbiran Instrumen

Terdapat tiga langkah pengkaji mentadbirkan senarai soal selidik kepada responden. Pertama sekali, responden kajian diminta mengisi butir-butir diri yang terdapat dalam Bahagian A yang mengandungi item soalan nombor 1 hingga 9. Langkah kedua, responden diminta membaca setiap item dan menandakan (√) pada mana-mana item yang menimbulkan masalah kepada mereka. Langkah ketiga, pengkaji meminta responden menyemak semula item yang telah ditandakan.

3.9 Analisis Data

Pengkaji mengumpulkan kesemua 40 soal selidik yang telah ditadbirkan di sekolah. Daripada soal selidik, data-data dikodkan seperti berikut:-

- | | | |
|---|---|--|
| 0 | - | Tiada Masalah ("Tidak" Amat Mengganggu) |
| 1 | - | Masalah Sederhana |
| 2 | - | Amat Mengganggu |

KUANTAN UNIVERSITY MALAYA

Data-data yang telah dikodkan dianalisis dengan menggunakan *Program Statistical Package for The Social Sciences (SPSS PC+)*. Statistik deskriptif juga digunakan seperti kekerapan dan peratus untuk memerihalkan latar belakang responden. Bagi mengkaji kategori masalah yang amat mengganggu dan “tidak” amat mengganggu pelajar remaja pula, statistik deskriptif min dan sisihan piawai digunakan. Ujian *t* digunakan untuk mengesan perbezaan yang signifikan di antara angkubah-angkubah yang terpilih dan kategori-kategori masalah.

ANOVA sehala juga digunakan untuk mengesan perbezaan signifikan di antara angkubah-angkubah dan kategori-kategori masalah. Analisis '*Post-hoc*' *multiple comparisons Scheffe*' digunakan ke atas kategori masalah yang signifikan setelah analisis Anova sehala ditadbirkan. Bagi tujuan analisis data, kategori responden bagi maklumat latar belakang pelajar seperti tingkatan, keputusan peperiksaan dan pendapatan ibu responden digabungkan. Bagi tingkatan persekolahan responden, kod '1' adalah mewakili pelajar menengah rendah dan kod '2' untuk pelajar menengah atas.

Bagi menganalisis keputusan peperiksaan pula, kod '0' mewakili keputusan peperiksaan gagal manakala kod '1' mewakili kepada keputusan peperiksaan lulus. Pendapatan ibu pula dibahagikan kepada 3 skala iaitu skala '1' merupakan pendapatan ibu lebih dari RM 1001.00 hingga RM 2000.00. Skala '2' pula merujuk kepada pendapatan ibu dalam lingkungan RM 501.00 hingga RM 1000.00. Skala '3' adalah di mana pendapatan ibu kurang dari RM 500.00. Korelasi Matriks digunakan untuk melihat perhubungan di antara kesemua sebelas kategori masalah.